

UMS terima watikah status autonomi Universiti Awam

UB 7.10.2018 A6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi antara enam universiti yang menerima watikah status autonomi daripada Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik dalam satu majlis yang berlangsung pada Khamis.

Pusat Pengurusan Strategik dan

Komunikasi Korporat (PPSKK) UMS dalam satu kenyataan menjelaskan, penerimaan watikah tersebut menjadikan UMS sebaris dengan semua 20 universiti awam (UA) di negara ini yang kini berstatus autonomi.

“Penilaian UA untuk tujuan

pemberian status autonomi tersebut telah dibuat secara berperingkat sejak tahun 2013, dengan penilaian merujuk kepada empat bidang iaitu tadbir urus institusi atau governan, tadbir urus akademik, kewangan, dan pengurusan sumber manusia.

“Melalui status autonomi ini,

penurunan membuat keputusan adalah daripada Agensi Pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dengan tujuan membolehkan UMS bergerak dengan berkesan bagi mencapai kecemerlangan dan memperkasa Universiti ke peringkat dunia,” jelas kenyataan tersebut.

Status autonomi tersebut turut membolehkan UMS lebih fleksibel dalam membuat keputusan bagi menentukan hala tuju universiti, dengan pengurusan UMS boleh membuat keputusan di peringkat universiti dalam melaksanakan perkara-perkara tertentu yang telah ditetapkan atau yang diberi penurunan kuasa oleh agensi pusat berkaitan empat bidang yang

disenaraikan.

“Namun demikian, meskipun pengurusan universiti mempunyai kuasa untuk mengurus sumber tanpa perlu merujuk kepada agensi pusat, universiti perlu mematuhi prinsip asas kerana autonomi UA bukan bersifat mutlak dan masih tertakluk kepada peraturan, strategi dan dasar kerajaan serta kementerian.

“Sejajar dengan status autonomi ini, peranan LPU UMS selaku pembuat keputusan akan terus diperkasakan selaras dengan tanggungjawab yang diberikan bagi memastikan sumber universiti ditadbir secara integriti dan akauntabiliti,” demikian menurut kenyataan daripada PPSKK UMS.



DR. MASZLEE (lima dari kanan) merakamkan gambar kenangan bersama wakil universiti yang menerima watikah status autonomi.